



## **KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

### **SITUASI TERKINI JANGKITAN 2019-nCoV DAN PENGESANAN KES BAHARU DI MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin melaporkan mengenai **pertambahan dua (2) kes baharu 2019 *novel coronavirus* (2019-nCoV)** yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan pada hari ini.

#### **KES BAHARU YANG PERTAMA (KES KE-13)**

Seorang wanita warganegara Malaysia berumur 40 tahun yang merupakan ahli keluarga (adik) kepada kes warganegara Malaysia yang dilaporkan pada 4 Februari 2020 yang lalu. Kes terbaru ini mempunyai kontak langsung dengan indeks kes semasa beliau pulang untuk sambutan Tahun Baru Cina di kampungnya pada 23 Januari 2020.

Beliau mula mengalami gejala demam dan sakit tekak pada 1 Februari 2020 dan batuk pada 4 Februari 2020. Beliau telah mendapatkan rawatan dari sebuah klinik swasta bagi gejala yang dialaminya. Sebaik ahli keluarganya (abang), iaitu indeks kes dikesan positif 2019-nCoV – beliau kemudiannya telah dijejaki oleh pihak Pejabat Kesihatan Daerah (PKD).

Hasil siasatan mendapati kes tidak mempunyai sejarah perjalanan ke negara China. Sebagai sebahagian dari aktiviti siasatan, sampel telah diambil dari beliau dan ahli keluarga yang lain. Ujian pengesanan dan pengesahan 2019-nCoV yang dijalankan ke atasnya telah dilaporkan positif pada 5 Februari 2020, manakala bagi lain-lain ahli keluarga adalah negatif.

Beliau kini telah dimasukkan ke wad isolasi di Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar dan berada dalam keadaan stabil. Aktiviti pengesanan kontak masih dijalankan dan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

## **KES BAHARU YANG KEDUA (KES KE-14)**

Seorang pelancong warganegara China dari Wuhan, China dan telah tiba di Malaysia bersama ibu serta tiga (3) rakannya pada 25 Januari 2020. Mereka telah melawati tempat-tempat pelancongan di sekitar Kuala Lumpur. Pada 1 Februari 2020, beliau datang mendapatkan rawatan bagi gejala demam ringan yang dialaminya di Hospital Kuala Lumpur. Doktor yang merawat beliau telah membenarkannya balik dengan dibekalkan ubatan bagi merawat gejala yang dialami dan juga *Home Assessment Tool*.

Beliau dan ahli kumpulannya telah diarahkan untuk tidak ke mana-mana bagi menjalani Perintah Pengawasan dan Pemantauan. Hasil lawatan pemantauan yang dijalankan ke atasnya oleh pihak PKD mendapati beliau masih lagi bergejala. Beliau telah dirujuk ke HKL untuk dimasukkan ke wad bagi menerima rawatan dan siasatan selanjutnya pada 5 Februari 2020. Ujian pengesanan dan pengesahan 2019-nCoV yang dijalankan ke atasnya telah dilaporkan positif pada hari yang sama. Beliau kini telah dimasukkan ke wad isolasi di Hospital Kuala Lumpur dan berada dalam keadaan stabil.

## **JUMLAH KUMULATIF KES 2019-nCoV**

Dengan pertambahan dua (2) kes baru ini, jumlah kumulatif kes 2019-nCoV yang dilaporkan sehingga hari ini adalah sebanyak **14 kes**; iaitu enam (6) kes dalam kalangan kes *Patient-Under-Investigation* (PUI) jangkitan 2019-nCoV, enam (6) kes dalam kalangan kontak rapat dan dua (2) kes dalam kalangan rakyat Malaysia yang dibawa pulang melalui Misi Bantuan Kemanusiaan. Daripada jumlah tersebut, sepuluh (10) kes adalah warganegara China dan empat (4) orang adalah warganegara Malaysia.

Sehubungan itu, dari 10 Januari 2020 sehingga 6 Februari 2020 jam 10:00 pagi; jumlah kumulatif kes PUI jangkitan 2019-nCoV adalah 290 orang; di mana 188 adalah warganegara Malaysia, 95 warga China dan masing-masing satu (1) warganegara Australia, Republik Korea, Jordan, Brazil, Kanada, Bangladesh dan Thailand. Enam (6) kes telah disahkan positif 2019-nCoV, 277 adalah negatif 2019-nCoV dan 7 kes masih menunggu keputusan makmal (Lampiran 1).

Sejumlah **16** kontak rapat yang baru kepada kes 2019-nCoV dilaporkan sehingga 6 Februari 2020 jam 10:00 pagi. Oleh itu, jumlah kumulatif kontak rapat kepada kes 2019-nCoV yang dilaporkan pada tahun 2020 sehingga hari ini adalah seramai 77 orang kesemuanya – dimana enam (6) orang adalah positif dan 71 orang adalah negatif (Lampiran 1).

Sementara itu pada hujung minggu ini, masyarakat beragama Hindu akan menyambut perayaan Thaipusam. Sambutan di Batu Caves dijangka menerima kunjungan ribuan penganut serta pelawat dari dalam dan luar negara.

Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin menasihatkan para penganut serta pengunjung supaya mengambil langkah pencegahan awal dengan mengutamakan kebersihan diri dengan kerap membasuh tangan dengan air dan sabun atau *hand sanitizer*, serta memakai penutup mulut dan hidung (*face mask*) bagi mengelakkan dari dijangkiti 2019-nCoV.

Pusat Operasi Perubatan yang diselaraskan oleh pihak Hospital Selayang akan melaksanakan pelbagai aktiviti berkaitan bagi mencegah, membendung dan bertindak balas bagi sebarang insiden yang mungkin berlaku.

**DATUK SERI DR. DZULKEFLY AHMAD**  
Menteri Kesihatan Malaysia

6 Februari 2020

**Jadual 1: Ringkasan Kes PUI 2019-nCoV  
Sehingga Jam 10:00 Pagi; 6 Februari 2020**

<b>Warganegara</b>	<b>Positif</b>	<b>Negatif</b>	<b><i>Pending</i></b>	<b>Jumlah</b>
Malaysia	1	180	7	188
China	5	90	0	95
Lain-lain	0	7	0	7
<b>Jumlah</b>	<b>6</b>	<b>277</b>	<b>7</b>	<b>290</b>

**Jadual 2: Ringkasan Kontak Rapat Kes 2019-nCoV  
Sehingga Jam 10:00 Pagi; 6 Februari 2020**

<b>Warganegara</b>	<b>Positif</b>	<b>Negatif</b>	<b><i>Pending</i></b>	<b>Jumlah</b>
Malaysia	1	41	0	42
China	5	30	0	35
Lain-lain	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>6</b>	<b>71</b>	<b>0</b>	<b>77</b>

**Nota:** Kenyataan Akhbar YB Menteri Kesihatan yang bertarikh 5 Februari 2020 telah memaklumkan mengenai dua (2) warganegara Malaysia yang dibawa pulang melalui Misi Bantuan Kemanusiaan yang telah dikesan positif dan baki 131 adalah negatif 2019-nCoV.